

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 13/11/2022

Edisi / Muka surat : <https://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : Penduduk kawasan perumahan, pangsapuri digalak ceburi sektor koperasi

Penduduk kawasan perumahan, pangsapuri digalak ceburi sektor koperasi

November 13, 2022

Written by Media Baharu

Published in Semasa



KUALA LUMPUR, 13 November- Penduduk di kawasan perumahan dan pangsapuri terutama golongan B40 digalak menceburi sektor koperasi bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata gerakan koperasi berperanan sebagai benteng membantu masyarakat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini merupakan platform untuk memudahkan rancangan membangunkan ekonomi dan salurkan program dan aktiviti yang boleh direbut komuniti setempat melalui koperasi," kata Abdul Fattah kepada media di sini.

Beliau ditemui pemberita ketika menghadiri Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Komuniti Gemilang di ibu negara.

Sehingga kini, ANGKASA merekodkan hampir 200 koperasi komuniti dengan lebih 60,00 anggota seluruh Malaysia.



(Datuk Abdul Fattah berkata penduduk di kawasan perumahan dan pangsapuri digalakkan menceburi bidang koperasi)